


1. Padankan bahagian 'A' dengan bahagian 'B' berpandukan gambar di bawah.



**BAHAGIAN A**

Hari minggu yang lalu

Keluarga Amirul berkelah

Amirul dan adiknya

Abang berenang

Ayah Amirul pula

**BAHAGIAN B**

sedang membaca majalah


bermain bola di tepi pantai

di pantai Teluk Batik

keluarga Amirul pergi berkelah

bersama kawan-kawannya

2. Lengkapkan ayat di bawah dengan menggunakan perkataan yang diberi.



membina

membawa


berkelah

makan

bermain

1. Ah Seng \_\_\_\_\_ bersama-sama kawannya.
2. Abdul Hadi \_\_\_\_\_ layang-layang di tepi pantai.
3. Aiman dan abangnya sedang \_\_\_\_\_ istana pasir.
4. Puan Rita hendak \_\_\_\_\_ bersama-sama keluarganya.
5. Denial Lim \_\_\_\_\_ sebiji pelampung yang baru disewanya.

3. Lengkapkan ayat di bawah dengan perkataan yang diberi.



membawa

menikmati

berbaris

membuang

melayan

1. Lima orang murid \_\_\_\_\_ hendak membeli makanan.
2. Seorang pekerja kantin \_\_\_\_\_ murid-murid tersebut.
3. Farahin \_\_\_\_\_ sepinggan makanan yang baru dibelinya.
4. Beberapa orang murid \_\_\_\_\_ makanan yang mereka beli.
5. Aiman \_\_\_\_\_ sampah ke dalam tong sampah yang disediakan.

4. Lengkapkan ayat di bawah dengan perkataan yang diberi.



kebun

segar


membeli

lawatan

menaiki

1. Fahmi menyertai \_\_\_\_\_ ke Cameron Highlands.
2. Mereka pergi ke sana dengan \_\_\_\_\_ bas sekolah.
3. Fahmi dan kawan-kawannya melawat \_\_\_\_\_ bunga.
4. Mereka singgah di gerai yang menjual buah-buahan \_\_\_\_\_.
5. Fahmi dan Hazwan hendak \_\_\_\_\_ buah-buahan di gerai itu.

5. Lengkapi ayat di bawah dengan perkataan yang diberi.



bunga

malam


rajin

gemar

kereta

1. Zainal seorang budak yang \_\_\_\_\_.
2. Dia sedang membasuh \_\_\_\_\_ ayahnya.
3. Dia menolong ibunya menyiram pokok \_\_\_\_\_.
4. Zainal juga sangat \_\_\_\_\_ bermain layang-layang.
5. Dia mengulang kaji pelajarannya pada waktu \_\_\_\_\_.

6. Lengkapi karangan di bawah, gunakan perkataan yang diberi.



mengirim

berharga

menghantar

peti surat

menyimpan

Asrul pergi ke pejabat pos. Keadaan di pejabat pos begitu sibuk. Banyak orang yang beratur. Ada yang hendak \_\_\_\_\_ wang. Ada yang hendak \_\_\_\_\_ bungkusan.

Asrul hendak \_\_\_\_\_ surat. Dia membeli sekeping setem. Setem itu \_\_\_\_\_ 50 sen. Dia meletakkan setem itu pada sampul surat. Kemudian, dia memasukkan surat itu ke dalam \_\_\_\_\_.

6. Teliti gambar. Kemudian, isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.



menjual

tepi

bakul

durian

berbuah

Datuk saya mempunyai dusun \_\_\_\_\_. Datuk menjaga dusun duriannya dengan baik. Pokok-pokok durian akan \_\_\_\_\_ apabila tiba musimnya. Datuk akan mengutip buah-buah durian yang gugur. Datuk memasukkan buah durian itu ke dalam \_\_\_\_\_ rotan yang besar. Datuk \_\_\_\_\_ buah-buah durian itu di gerainya. Gerai durian datuk saya terletak di \_\_\_\_\_ jalan raya.